

29 JUL 2002

Pakistan-Duta/I

PAKISTAN MINTA MALAYSIA PERJUANGKAN CITA-CITA COMSTECH

Oleh: Ahmad Kamil Tahir

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Pakistan yakin Malaysia mampu memperjuangkan cita-cita Comstech, sebuah jawatankuasa bertaraf menteri yang dianggotai 57 negara Islam bagi membangunkan pelbagai projek sains dan teknologi di negara-negara Islam.

Duta khas Presiden Pakistan Pervez Musharraf, Prof Dr Atta-ur-Rahman berkata Malaysia dianggap sebuah negara terkemuka, moden dan pesat membangun di dunia Islam.

"Presiden Musharaff berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan sahaja akan memperjuangkan cita-cita penting ini tetapi juga mempengaruhi para pemimpin Islam lain supaya menyertai kumpulan ini kerana sebab-sebab yang sama, katanya dalam satu temubual dengan Bernama di pejabat Suruhanjaya Tinggi Pakistan di sini hari ini.

Prof Atta-ur-Rahman, yang juga Menteri Sains dan Teknologi Pakistan, adalah wakil khas Musharraf untuk menyerahkan sepucuk surat daripada pemimpin Pakistan itu kepada Dr Mahathir. Surat itu diserahkan kepada Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Prof Atta-ur-Rahman berkata bahawa dalam surat itu, Musharraf yang juga pengerusi Comstech berpendapat masanya sudah tiba bagi semua negara Islam berganding bahu dan menggembelng sumber manusia dan kewangan yang mereka miliki ke arah menjayakan matlamat bersama iaitu menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan dalam pelbagai bidang sains dan teknologi seperti biosains, bioteknologi dan teknologi maklumat.

Musharraf juga menegaskan tentang perlunya diwujudkan sebuah dana daripada sumbangan negara-negara anggota bagi membiayai projek sains dan teknologi di negara-negara Islam.

Prof Atta-ur-Rahman berkata penubuhan dana berkenaan yang telah diilhamkan dan dipersetujui pada perhimpunan agung Comstech di Pakistan Februari lepas, mensyaratkan setiap negara anggota menyumbangkan 0.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masing-masing.

Katanya dana tersebut boleh digunakan untuk mengumpul saintis dan ahli teknologi Islam yang kini bertugas di Amerika Syarikat dan Eropah bagi mewujudkan sekumpulan saintis terkemuka untuk menjayakan pelbagai projek di negara-negara Islam.

"Kita tidak mempunyai kemampuan untuk melakukannya secara individu tapi dengan adanya dana ini, kita akan dapat menarik minat saintis Islam terkemuka untuk menubuhkan pusat-pusat sains dan teknologi bertaraf dunia seperti dalam bidang bioteknologi dan IT," katanya.

Prof Atta-ur-Rahman berkata, perhimpunan agung Comstech tahun lepas diberitahu bahawa negara-negara Islam masih ketinggalan kerana, walaupun mereka mempunyai sumber semula jadi, ia (sumber semula jadi) kini tidak lagi menjadi pemacu ekonomi sesebuah negara.

Menurut beliau, kini pemacu utama ekonomi sesebuah negara ialah ilmu, pelaburan dan sumber manusia terutama dalam bidang sains dan teknologi yang membolehkan sesebuah negara itu melabur dalam pembangunan produk baru seperti elektronik, farmaseutikal, jentera dan produk berasaskan bioteknologi.

Oleh itu, katanya, negara-negara Islam perlu bertindak pantas dengan menggembelng sumber manusia dan kewangan mereka bagi membangunkan bidang sains dan teknologi.

Prof Atta-ur-Rahman berkata matlamat itu dapat dicapai sekiranya setiap negara anggota Comstech menghulurkan sumbangan kepada dana yang dicadangkan

itu.

Menurut beliau, pembangunan sains dan teknologi di negara-negara Islam merupakan aspek terpenting dalam usaha memperkasakan umat Islam sejagat memandangkan kebanyakan negara Islam masih lemah daripada segi teknologi.

-- BERNAMA

AKT ZS SP MAI